

18 OCT 1998

Lim-BN (Bergambar)

GERAKAN YAKIN BN TERUS MEMERINTAH NEGARA

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Parti Gerakan bersependapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meramalkan Barisan Nasional (BN) akan terus membentuk kerajaan walaupun dengan majoriti kecil pada pilihanraya umum akan datang.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata hari ini banyak isu yang timbul sekarang seperti kegawatan ekonomi dan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyebabkan segelintir rakyat memilih parti pembangkang.

"Bagaimanapun, saya yakin kebanyakan rakyat akan tetap memberi mandat kepada BN yang telah membuktikan kemampuannya memerintah negara sejak 41 tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas berucap di majlis makan tengah hari Forum Ketua Pegawai Eksekutif, di sini.

Beliau berkata pihaknya tidak menjangka pilihanraya umum akan diadakan dalam tempoh yang terdekat memandangkan banyak isu negatif kepada negara masih belum diselesaikan.

Dr Lim berkata beliau yakin orang ramai yang menyokong apa yang dikatakan gerakan reformasi anjuran Anwar akhirnya akan kembali menyokong kerajaan apabila mereka diberi penjelasan yang mencukupi.

"Mereka ini masih keliru kerana tidak dapat membezakan antara tindakan bersifat politik dan perkara-perkara yang membabitkan bidang kuasa mahkamah," katanya.

Sebenarnya adalah hak Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri untuk melucut jawatan Anwar dalam kerajaan dan pemecatan Anwar daripada Umno dibuat oleh Majlis Tertinggi parti itu, dan tidak perlu mendapatkan keputusan mahkamah terlebih dahulu, katanya.

Menurut beliau tindakan Anwar untuk mengadakan demonstrasi apabila dipecat daripada parti adalah tidak rasional, kerana beliau (Lim) sendiri tidak berbuat demikian apabila dipecat daripada parti MCA pada tahun 1973.

Sementara itu, Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata terdapat sesetengah syarikat dari luar negara yang membatalkan kontrak mengimport minyak sawit selepas Bank Negara memperkenalkan langkah kawalan matawang.

Tindakan tergesa-gesa itu adalah berikutan salah faham mereka yang menyangka semua kontrak penjualan minyak sawit menggunakan ringgit akan terjejas akibat langkah kawalan itu, katanya.

-- BERNAMA

NY WAT